

# Ketokohan Hajjah Rahmas binti Abdullah dalam Tarannum dan Sumbangan Tilawahnya

**BITARA**

Volume 5, Issue 4, 2022: 157-165  
© The Author(s) 2022  
e-ISSN: 2600-9080  
<http://www.bitarajournal.com>  
Received: 23 Jun 2022  
Accepted: 23 October 2022  
Published: 16 December 2022

## [The personage of Hajjah Rahmas binti Abdullah in Tarannum and her contribution in Tilawah]

Masfira Hilman,<sup>1</sup> Wan Hilmi Abdullah<sup>1</sup> & Wan Nasyrudin Abdullah<sup>1</sup>

<sup>1</sup> Pusat Kajian al-Quran dan al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, MALAYSIA.

\* Corresponding Author: [wanhilmi@ukm.edu.my](mailto:wanhilmi@ukm.edu.my)

### Abstrak

Hajjah Rahmas Binti Abdullah seorang qariah yang terkenal dengan bacaan tarannumnya tang baik. Nama beliau yang tidak asing lagi dalam dunia tilawah al-Quran di Nusantara ini. Ketokohan yang dimiliki oleh Hajjah Rahmas sangat tinggi nilainya bagi para qari dan qariah. Oleh yang demikian, penulisan artikel ini bertujuan menjelaskan latar belakang Hajjah Rahmas dan sumbangannya dalam dunia tilawah al-Quran di Malaysia khususnya. Rekabentuk kajian adalah kualitatif. Kajian ini memperolehi data hasil temubual tidak berstruktur bersama tokoh yang terlibat dalam bidang tilawah al-Quran. Hasil kajian mendapati ketokohan Hajjah Rahmas dan sumbangannya telah memberikan impak yang sangat besar kepada perkembangan bacaan al-Quran bertarannum di Malaysia khususnya dan negara luar umumnya yang menjadi suatu panduan kepada qari dan qariah untuk meneruskan legasi bacaan al-Quran bertarannum.

**Kata Kunci:** Hajjah Rahmas binti Abdullah, Tarannum, Tilawah, Qari Malaysia

### Abstract

Hajjah Rahmas Binti Abdullah is a renowned qariah with a perfect Quranic tarannum recitations. She is a very well-known figure in this nation when it comes to tilawah al - Quran. Hajjah Rahmas owns a distinctive charismatic personalities which are highly admired by other qari and qariah. Therefore, this article aims to explain Hajjah Rahmas' background and her contribution in the world of tilawah al - Quran especially in Malaysia. This study will be conducted by using a quantitative framework study. Data collection includes unstructured interviews with the prominent figures in related field. The study shows the personage of Hajjah Rahmas and her contributions give huge impacts towards the development of Quranic tarannum recitations in Malaysia and other nations worldwide. Furthermore, her contributions can be a guideline for other qari and qariah to uphold and continue the legacy of Quranic tarannum recitations.

**Kata Kunci:** Hajjah Rahmas binti Abdullah, Tarannum, Tilawah, Malaysian Qari

**Cite This Article:**

Masfira Hilman, Wan Hilmi Abdullah & Wan Nasyrudin Abdullah. (2022). Ketokohan Hajjah Rahmas binti Abdullah Dalam Tarannum dan Sumbangan Tilawahnya [The personage of Hajjah Rahmas binti Abdullah in Tarannum and her contribution in Tilawah]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 5(4): 157-165.

## Pengenalan

Malaysia merupakan negara pertama di dunia yang menganjurkan Majlis Tilawah Al-Quran di peringkat antarabangsa dan diiktiraf sebagai penganjur terbaik Majlis Tilawah al-Quran(*Sejarah\_Majlis\_Tilawah\_Al-Quran\_Antarabangsa-Compress.Pdf*,n.d.). Dengan adanya majlis ini, martabat dan syiar Islam telah tersebar luas ke seluruh pelosok tanah air sehingga negara Malaysia dapat melahirkan para qari dan qariah yang baik bacaannya khusus dalam bidang tarannum. Antara qariah yang berjaya dalam bidang tilawah ini adalah Hajjah Rahmas Binti Abdullah. Oleh yang demikian, pengkaji akan membincangkan ketokohan dan sumbangsan beliau dalam bidang tarannumnya.

## Biodata Beliau

Hajjah Rahmas Bte Abdullah dilahirkan pada 11 Januari 1960 di Kampung Mentera, Kota Bharu Kelantan. Kini menetap di Johor Bahru , Johor dan merupakan pesara pegawai Penjara Johor Bahru, Johor (Hasin, 2018). Beliau merupakan anak kedua dari 3 orang adik beradik. Ibu beliau bernama Hajah Zainab Bte Mahmud dan bapa beliau Allahyarham Haji Abdullah Bin Haji Hasan. Beliau dibesarkan dalam keluarga yang sederhana sementara ibu dan bapa bekerja menoreh getah. Semenjak kecil lagi beliau sudah dididik dalam suasana cintakan al-Quran.

Beliau telah mendirikan rumah tangga bersama pilihan hatinya iaitu Haji Abu Naim Bin Paimin pada November 1985. Suami beliau berasal dari Muar Johor dan pernah berkhidmat sebagai tentera selama 12 tahun. Kemudian mereka berhijrah ke Johor Bahru dan berkhidmat sebagai Bilal di Masjid Kotaraya Johor Bahru di bawah Johor Corporation. Setelah itu mereka berpindah ke Bukit Mutiara dan suami Hajah Rahmas meneruskan tugasnya sebagai Bilal di Masjid Iskandar, Bandar Dato' Onn, Johor Bahru. Hasil dari perkongsian hidup, mereka telah dikurniakan 3 orang cahaya mata yang diberi nama Muhammad Izani Bin Abu Naim (35tahun), Siti Norhamizah Bte Abu Naim (31tahun) dan Muhammad Luqmanul Hakim Bin Abu Naim(29tahun). Beliau kini telah menimang 2 orang cucu dari anak sulungnya yang diberi nama Muhammad Omar Lutfi Bin Muhammad Izani dan Erni Suraya Bte Muhammad Izani.

## Kerjaya

Pada 1 April 1981, beliau mula berhijrah ke Johor Bahru Johor, untuk melapor diri sebagai pegawai di Jabatan Penjara. Pada tahun 1982, Hajah Rahmas meneruskan bakat yang sedia dengan melibatkan diri dalam musabaqah al-Quran di negeri Johor bermula peringkat mukim, daerah, negeri, kebangsaan sekaligus ke peringkat antarabangsa. Di negeri Johor pula beliau pernah belajar dengan Allahyarham cikgu mat zin, Allahyarham ustaz Abu kasim, Dato' Asyari. Pembelajaran dan latihan diadakan selama sebulan di rumah kenangan, Jalan Abdul Rahman, Andak, Johor Bahru, Johor. Musabaqah Tilawah al-Quran telah diadakan pada tahun 1982 di Stadium Merdeka (Anuar Hasin; Norazman Alias; Zainora Daud, 2020). Menurut beliau, ia merupakan pengalaman pertama yang masih segar diingatan sebagai peserta yang mewakili Malaysia di peringkat antarabangsa pada tahun itu.

## Pendidikan Informal

Apabila Hajah Rahmas melanjutkan persekolahannya ke peringkat menengah, Hajah Rahmas mula mempelajari ilmu tarannum dengan guru-guru al-Quran yang berkemahiran dan dikenali. Antara guru yang pernah mengajarnya adalah Allahyarham Abd Rahman Bin Muda. Kemudian Hajah Rahmas telah diberi peluang pergi ke kelas-kelas anjuran kerajaan negeri Kelantan. Apabila selesai menduduki SPM pula, beliau mula ditawarkan ke kursus-kursus tarannum. Kerajaan Kelantan ketika itu telah melakukan pemilihan pelajar-pelajar yg layak mengikuti kursus-kursus tarannum dengan dibiayai elau makan dan penyediaan kenderaan untuk pergi dan pulang. Kursus tarannum itu telah diadakan di Musolla Maahad Muhammadi, Kota Bharu Kelantan dan dijalankan selama 3 tahun. Pelajar yang terpilih adalah seramai 14 org (4 lelaki, 10 perempuan). Antara yang masih ada hari ini adalah Qari Ustaz Che Yahaya Bin Daud dan Hajah Sapinah Mamat. Guru pembimbing sepanjang kursus tersebut adalah Ustaz Haji Hasan Bin Musa dan Hajjah Siti Nor Ismail. Kursus itu banyak menfokuskan ilmu tarannum berbanding ilmu tajwid dan menetapkan peserta lelaki akan berlatih dengan Haji Hasan Bin Musa manakala peserta wanita berlatih dengan Hajah Siti Nor Ismail. Walaubagaimanapun, Hajah Rahmas banyak mempelajari tarannum dengan Haji Hasan Bin Musa kerana beliau mempunyai tali suara yang hamper sama. Haji Hasan Musa mempunyai lantunan suara yang nyaring dan tinggi begitu juga dengan Hajah Rahmas. Beliau menyatakan rasa syukur dan gembira kerana kursus itu menerapkan banyak pengisian seperti qasidah dan tadarus. Hari Khamis merupakan hari yang paling ditunggu kerana ada pengisian Qasidah.

## Pendidikan Non Formal

Pada permulaannya, Hajah Rahmas berguru dengan 2 orang guru di kampung beliau yang merupakan pasangan suami isteri dan telah kembali ke rahmatullah. Guru beliau ialah Allahyarham Haji Awang dan isteri beliau Allahyarhamah Hajah Sawiyah. Setiap hari Hajah Rahmas akan belajar mengaji al-Quran secara bertajwid dan bertarannum. Rutin harian beliau adalah pada sebelah siang bersekolah, sebelah malam pula mengaji al-Quran. Apabila menjelang musabaqah, beliau akan lebih kerap menghadap 2 orang guru beliau ini untuk mempelajari dan melatih tarannum. Dengan kemudahan pengangkutan yang serba kekurangan ketika itu, Hajah Rahmas akan pergi berguru ke rumah mereka dengan berjalan kaki dan ada kala dengan menaiki basikal. Jarak rumah beliau dengan gurunya agak jauh sehingga mele过asi 2 padang. Akan tetapi dengan minat yang sangat mendalam, beliau terus menempuh hari-hari demi mencapai matlamat dan kejayaan. Dari segi masa pula, beliau telah menetapkannya untuk ke rumah gurunya selepas waktu isyak kerana Allahyarham Haji Awang dikenali sebagai seorang insan yang wara' dan 'alim. Pernah satu masa Hajah Rahmas datang ke rumahnya pukul 9 malam, Allahyarham tidak akan terus mengajarkannya mengaji sehingga beliau belum selesai zikir dan wirid. Allahyarham Haji Awang telah mengajar Hajah Rahmas ilmu yang berkaitan dengan ilmu tajwid manakala Allahyarhamah Hajah Sawiyah telah mengajar beliau ilmu tarannum. Ini adalah merupakan rutin harian Hajah Rahmas semasa beliau di sekolah rendah.

Selain daripada 2 orang guru ini, adakalanya beliau akan pergi ke masjid Bachok dan masjid Pupuk iaitu masjid dimana tempat mengajar Hajah Faridah Bte Mat Seman mengajar, seorang Qariah terkenal selepas menjuarai tilawah al-Quran di peringkat antarabangsa. Hajah Faridah merupakan idola Hajah Rahmas dalam bidang tarannum. Ketekunan Hajah Rahmas dalam mendalami ilmu tarannum ini dikorbankan tenaga dan masa beliau dengan menaiki basikal memandangkan tempat yang agak jauk dari kampung halamannya. Penglibatan beliau dalam menceburilah ilmu tarannum ini telah dipupuk dan dibimbing oleh ibu beliau. Ibu beliau semangat menemani beliau pergi ke tempat mengaji, kadangkala tudur di rumah guru 2 atau 3 malam. Arwah bapa beliau seorang yang pendiam tetapi tetap menyokong dengan memberi kata-kata semangat pada beliau. Pada peringkat sekolah rendah ini, beliau telah berjaya mencapai kejayaan sehingga ke peringkat negeri dengan mendapat Johan dan Naib Johan.

## **Penglibatan dalam Dunia Tilawah al-Quran**

Penglibatan Hajah Rahmas Bte Abdullah di dalam Musabaqah al-Quran di peringkat Kebangsaan dan Antarabangsa menjadikan dirinya seorang tokoh yang dikenali di persada antarabangsa. Beliau mula dikenali setelah menjadi johan di peringkat Kebangsaan dan Antarabangsa sejak tahun 1982 sehingga tahun 1995. Beliau mula berjinak dalam bidang tilawah al-Quran sejak berumur 9 tahun. Beliau mula mewakili Negeri Johor pada tahun 1982 dan menjadi Naib Johan di Peringkat Kebangsaan. Beliau telah berjaya mengharumkan nama negara sebanyak 6 kali apabila merangkul sebagai juara di Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Antarabangsa. Ini menjadikan beliau qariah ke-3 terbanyak menjuarai majlis tilawah selepas Hajah Faridah Mat Saman dan Hajah Rogayah Sulong(*Sejarah Majlis Tilawah Al-Quran Antarabangsa-Compress.Pdf*, n.d.).

## **Sumbangan Tokoh dalam Dunia Tilawah al-Quran**

Berdasarkan anugerah yang diperolehi oleh Hajah Rahmas Bte Abdullah membuktikan sumbangan dan jasa beliau kepada masyarakat terutama dalam bidang pengajaran al-Quran dan tarannum. Antara sumbangan beliau ialah menjadi salah seorang perintis wanita dalam bidang tarannum al-Quran dengan rakan-rakan sealiran beliau dan merupakan antara qariah wanita yang mula menceburkan diri dalam dunia tarannum pada tahun 1960-an. Di Johor, antara nama yang masyhur pada tahun 1980-an ialah Hajah Ummi Kalthom Bte Md Zain. Beliau berasal dari Ulu Tiram Johor dan merupakan Johan Tilawah Al-Quran Peringkat Antarabangsa pada tahun 1993, 1994, 2002. Kini beliau aktif mengajar ilmu tarannum al-Quran di Pusat Pengajian Al-Quran Ulu Tiram, Johor. Selepas kejayaan beliau, Hajah Rahmas Bte Abdullah adalah wanita kedua bagi negeri Johor yang berjaya menjadi johan di peringkat Kebangsaan dan antarabangsa dalam majlis Tilawah al-Quran anjuran JAKIM(Shafiq, 2020).

## Kegiatan Hajjah Rahmas binti Abdullah

Hajjah Rahmas Bte Abdullah juga telah melahirkan pelapis yang ramai dalam bidang tarannum al-Quran. Antara sumbangan beliau ialah melatih bakal-bakal Qari dan Qariah di peringkat Daerah dan Negeri, mengajar al-Quran dan tarannum di Johor antara tahun 1990 an sehingga kini masih lagi aktif dengan pembelajaran tarannum. Antara bukti kesungguhan beliau ialah beliau sanggup menghadirkan diri dalam pengajaran al-Quran pada hari dan masa yang ditetapkan walaupun, jadual kelas beliau padat dengan jemputan mempersemprehankan bacaannya secara bersemuka dan dalam talian. Beliau sangat komited tarannum dan bersungguh-sungguh dalam menyampaikan pengajaran tarannum al-Quran kepada masyarakat. Sangat jelas tergambar kecintaan beliau terhadap al-Quran yang sangat mendalam. Kebanyakannya mereka yang ingin mempelajari tarannunm, beliau akan mengajak anak muridnya datang ke kediaman beliau untuk memperdengarkan bacaan al-Quran secara bertarannum. Dalam masa pandemik ini, Hajjah Rahmas giat membuat rakaman di Jabatan Agama Islam dalam satu slot “Mutiarah Al-Quran” yang disiarkan melalui laman *facebook* Jabatan Agama Islam Negeri Johor (Muhammad Haziq, 2021).

Hajjah Rahmas telah banyak mengajar masyarakat mengenali al-Quran dan mencintai al-Quran serta membaca dengan baik. Beliau sangat menitikberatkan bab tajwid khususnya walaupun al-Quran itu dialunkan secara bertarannum. Ianya amat penting bagi menjaga kesucian al-Quran. Hajjah Rahmas bukan sahaja terkenal di Malaysia, malahan meniti di bibir umat Islam di seluruh pelusuk dunia. Beliau dikenali dalam kalangan hakim antarabangsa dan juga rakan-rakan seperjuangan beliau dari negara luar. Beliau juga tidak lokek menyampaikan ilmu kepada qari dan qariah dari luar negara terutama negara yang berdekatan seperti Indonesia, Brunei, Thailand dan Singapura. Alunan yang beliau sampaikan seolah-olah dialunkan oleh seorang qariah berbangsa Arab. Beliau menekankan bacaan secara bersahaja, mendatar, menjaga nada dengan teratur, tidak gopoh, mahir mencipta burdah yang bersesuaian dengan tempat dan keadaan. Walaubagaimanapun beliau masih lagi bersungguh-sungguh menuntut ilmu memperbetulkan bacaan walaupun bacaan beliau telah diakui.

Hajjah Rahmas telah melahirkan anak murid yang ramai dari pelapis remaja dan dewasa. Kebanyakan yang hadir untuk mempelajari al-Quran adalah mereka dari daerah Johor Bahru dan luar Johor Bahru ada juga dari negeri lain. Melihat kepada raut wajahnya, beliau nampak seorang yang tegas tetapi sangat mesra apabila berdasarkan pemerhatian. Selain itu, setiap kali musim tilawah al-Quran peringkat daerah, negeri atau kebangsaan, rumah beliau sentiasa dikunjungi oleh qari dan qariah untuk berlatih mengaji secara bertarannum sama ada waktu siang atau malam.

Hajjah Rahmas telah dilantik menjadi jurulatih dan fasilitator kepada qari-qari dan qariah-qariah negeri Johor yang memasuki majlis tilawah al-Quran dan beliau kerap dilantik sebagai jurulatih atau fasilitator dalam Kursus Tahsin al-Quran sekitar tahun 1990an sehingga kini. Kursus Tahsin al-Quran diadakan dalam tiga peringkat bagi qari yang terpilih sahaja terutama bagi qari yang menyertai Majlis Tilawah al-Quran di peringkat daerah, negeri dan kebangsaan. Pada kebiasaannya, kursus tahsin al-Quran akan berjalan selama dua atau tiga hari sehingga seminggu. Hajjah Rahmas berjaya mengharumkan nama negara di persada Antarabangsa. Beliau juga pernah di jemput sebagai qariah jemputan dalam Majlis Tilawah Al-

Quran peringkat Kebangsaan dan Antarabangsa yang dianjurkan oleh Jakim pada tahun 2017 dan 2018.

## **Anak Murid Hajjah Rahmas binti Abdullah**

Kepakaran Hajjah Rahmas sekali lagi terserlah apabila anak didik beliau juga berjaya menjadi johan tilawah membaca al-Quran di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Di sebalik juara itu, sudah tentu beliau mempunyai cara, strategi dan kaedah yang tersendiri dalam mendidik bakal-bakal juara. Antara cara pengajaran beliau ialah di peringkat pertama beliau melatih pelajar mahir tajwid. Setelah itu, beliau akan memilih dalam kalangan anak muridnya yang mahir tajwid iaitu pelajar yang mempunyai suara yang merdu, elok dan baik untuk diketengahkan supaya mempelajari ilmu tarannum. Niat yang ikhlas dalam pengajaran, berdisiplin, berhemah tinggi, dan sabar adalah antara resipi kejayaan Hajjah Rahmas. Beliau tidak mengharapkan apa sahaja yang melibatkan harta benda dan wang ringgit.

Jadual 1: Kemenangan Hajjah Rahmas Binti Abdullah

Kemenangan di peringkat Kebangsaan (Omar & Mohd Yusoff, 2017)

Bilangan	1	2	3	4	5	6
Tahun	1982	1984	1985	1990	1994	1995

Kemenangan di Peringkat Antarabangsa (Omar & Mohd Yusoff, 2017)

Bilangan	1	2	3	4	5
Tahun	1984	1985	1990	1994	1995

## **Kesimpulan**

Artikel ini menjelaskan tentang latar belakang Hajjah Rahmas dan sumbangan beliau dalam dunia tilawah al-Quran. Antara sumbangan besar beliau ialah mempromosikan bacaan al-Qur'an dengan suara yang tinggi dan tarannum yang kemas masyarakat. Teknik dan gaya bacaan beliau menjadi perhatian para qari dan qariah di Malaysia. Kesungguhan Hajjah Rahmas dalam mengajar ilmu tarannum telah melahirkan ramai anak murid yang berjaya dalam bidang tarannum ini sehingga menempa nama di peringkat antarabangsa. Selain itu, beliau juga telah berjaya meletakkan kerjaya qari di tempat yang tertinggi dengan diberikan penghormatan yang sewajar. Oleh itu, selayaknya bagi beliau diangkat ketokohnanya atas sumbangan yang begitu besar dalam dunia tilawah al-Quran.

## Rujukan

- Abdullah Zakaria Ghazali, 1996. *Pentadbiran Tentera Jepun Dan Thai Di Terengganu 1942-1945*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Abu al-Husain, Ahmad bin Faris bin Zakaria. 1979. *Mu'jam Maqayis al-Lughah*. Jilid 5. Beirut: Dar al-Fikr.
- Adanan Mat Junoh. 2014. *Pembelajaran Informal Ke Arah Memperkasa Modal Insan: Penglibatan, Halangan dan Cabaran Di Kalangan Staf Akademik IPTA dalam Amalan Latihan dan Pembangunan Sumber Manusia Di Malaysia*. 83-112. UTM Institutional Repository eprints.utm.my/14764/ paparan pada 5 Disember 2014.
- Ahmad Nuruddin Mat Yunoh (2008), “*Seni Lagu al-Quran : Kajian Terhadap Sumbangan Haji Nik Ja’far Nik Ismail*”. Tesis Kesarjanaan Jabatan al-Quran Dan al-Hadith, Universiti Malaya (UM), Kuala Lumpur.
- Anuar Hasin. *Tathawwur Fan al-Tarannum Fi Malizia: Dirasah Tarikhyyah Wa ‘Ilmiyyah. Jurnal Ma’alim al-Quran Wa al-Sunnah*. Vol. 9. Nilai: Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia. Sedek bin Ariffin .2009.
- Anuar Hasin. 2018. *Ketokohan dan sumbangan Ustaz Che Yahaya Bin Daud Dalam Bidang Tarannum Al-Quran Di Malaysia*”: Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa. Vol. Edisi Khas. Pages. 252-264.
- al-Asfahani, al-Raghib, 2009. *Mufradat Alfaz al-Quran*. Damsyiq: Dar al-Qalam.
- Azlan Senggarang. 2014. “*Tausikh al-Quran, Lagu Baiyati*”, laman sesawang Youtube, dicapai 8 September 2014, <http://www.youtube.com/watch?v=BznycsMiv5A>.
- Baalbaki, Rohi. 1993. Al-Mawrid: A Modern Arabic-English Dictionary, Cet. Ke-5, Beirut: Dar El –Ilm Lilmalayin.
- al-Ghazali, Muhammad, 1992. *Kaifa Nata’amal Ma’a al-Quran*, Al-Mansurah: Ma’had al-‘Alami li alfikr al-Islami. Muhammad Al-Habsy, 1998. *Kaifa Taqra’ al-Quran*, Syria: Darul al- ‘Usama’.
- al-Habsy, Muhammad, 1998. *Kaifa Taqra’ al-Quran*, Syria: Darul al- ‘Usama’.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. 2007. Johan Qari dan Qariah Majlis Tilawah al-Quran Antarabangsa Malaysia 1380 H/ 1961 M – 1428 H/ 2007 M. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Berhad. Nik Jaafar bin Nik Ismail .2001
- JAKIM. 2003. Sejarah Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Kebangsaan dan Antarabangsa. Kuala Lumpur : JAKIM. JAKIM. 2008. 50 Tahun Tilawah al-Quran di Malaysia. Kuala Lumpur : JAKIM.
- JAKIM. 2009. Laporan Tahunan JAKIM 2009. Kuala Lumpur: JAKIM. JAKIM. 2012. Jakim 4 Dekad. *Memacu Transformasi Pengurusan Hal Ehwal Islam*. Kuala Lumpur: JAKIM.
- JAKIM. t.th. *Peraturan Tilawah al-Quran Malaysia*. t.tp.: Nik Daud Sdn. Bhd.
- al-Jazari, Muhammad bin Muhammad bin Ali bin Yusuf al-Dimashqi Ibn. 1421/2000. *Tayyibah al-Nasyr fi al-Qira’at al-cAsyr*. Madinah: Maktabah Dar al-Huda. Ibn Jazari. Muhammad bin Muhammad al-Damshiqi. T.th. al-Nahsr Fi al-Qira’at alcAsyar.. Beirut: Darul al-Kutub al-cIImiah. Ibn Jazari.
- Khalid Isa. 2011. Tan Sri Dato’ Haji Hassan Azhari: Sumbangannya Dalam Ilmu Tarannum al-Quran di Malaysia. Disertasi Sarjana. Jabatan al-Quran dan alHadith. Kuala Lumpur:

- Akademik Pengajian Islam. Universiti Malaya.
- Mimi, Mohaffyza Mohamad, Che Munira Che Razali. 2015. Keperluan Pembelajaran Sepanjang Hayat Bagi Tenaga Pengajar Di Institut Latihan Kemahiran di Malaysia, Fakulti Pendidikan Teknikal, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, 613. E-prints.uthm.edu.my(2851/1) 613-6233.pdf paparan pada 13 April.
- Mohd Sabri Mohd Yunus, *Maksud Seni Tarannum*, qariqariah.blogspot.my/2008/08/maksud-seni-tarannum.html. Paparan pada 22 Mac 2016.
- Mohd Rahim Jusoh, 2012. *Tajwid al-Huruf & Mengenal Waqf*. Batu Caves: Pustaka Khodim al-Mushaf.
- Muhammad Yusri. 2014. “Tarannum al-Quran,” laman sesawang Catatan Pak Lebai, dicapai 16 November , lebailiyusri.blogspot.com/2009/12/tarannum-al-quran-pada –satu-petang.
- Naufal, Ahmad Ismail, 2007. *Manāhij al-Bahth wa al-Ta ’lif Fi al-Qasas al-Qurāni*, ‘Amman: Dārul al-Fadhlah.
- Naufal, Ahmad Ismail, 2007. *Manāhij al-Bahth wa al-Ta ’lif Fi al-Qasas al-Qurāni*, ‘Amman: Dārul al-Fadhlah. Al-Asfahani, al-Raghib, 2009. Mufradat Alfaz al-Quran. Damsyiq: Dar al-Qalam.
- Nik Jaafar Nik Ismail, 2012. Buku Qawaид al-Tarannum, Cara Berlagu, cet. Ke-5, Kuala Lumpur: Darul Fikir. pada 5 Disember 2014.
- Norhisham Muhamad, Azmil Hashim, Muhammad Akramin Kamarul Zaman & Fatin Ardani: *Kepentingan Talaqqi Dan Musyafahah Dalam Pembacaan al-Quran*. Jurnal Darul Quran. Vol. 13. Kuala Kubu Baru: Darul Quran. Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Rallis, S.F. 2012. The Research Journey, Introduction to Inquiry, New York: The Guilford Press.
- Sharifah Norshah Bani Syed Bidin, Nor Salimah Abu Mansor dan Zulkifli A. Manaf, 2011. “ Pelaksanaan Manhaj Rasulullah Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Kelas Al-Quran Bagi Golongan Dewasa,” Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari Keluaran Khas (Disember).
- Sidang Redaksi, 2003. Sejarah Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Kebangsaan Dan Antarabangsa, Kuala Lumpur: JAKIM.
- Sidang Redaksi, 2003. Sejarah Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Kebangsaan Dan Antarabangsa, Kuala Lumpur: JAKIM.
- Sidang Redaksi, 2007. Johan Qari Dan Qariah Malaysia, Kuala Lumpur: JAKIM.
- Sidang Redaksi, 2008. 50 TahunTilawah al-Quran Malaysia, Kuala Lumpur: JAKIM.
- al-Suyuti, Jalal al-Din ‘Abdul Rahman, 2006. *al-Itqan Fi Ulum al-Quran*, jilid 1, Kaherah: Dar al-Ghad alJadid.
- al-Syaukani, Muhammad Bin ‘Ali Bin Muhammad, 2007. *Fath al-Qadir*. Jilid 2, Kaherah: Dar al-Hadith.
- Ustaz Wan Hilmi Wan Abdullah (2010), “ *Pengenalan Ilmu Tarannum al-Quran* ”. Kertas kerja *Bengkel al-Quran* Pusat Islam Universiti Putra Malaysia (UPM) 21 Serdang Selangor, pada 30 Julai 2010.
- Wan Fakhru Razi Wan Mohamad (2008), “ Hajji Ahmad b. Mat Som Pergau Dan Sumbangannya Dalam Pengajian Tarannum Di Kelantan ”. Tesis kesarjanaan Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Universiti Malaya (UM), Kuala Lumpur.

Wan Hilmi Wan Abdullah. 2014. “Pengaruh Tarannum Qari-Qari Mesir Terhadap Qari-Qari Di Malaysia”. Tesis Sarjana. Bangi: Universiti Kebangsaan Malays